



# قائىت برونى Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 51

RABU 21 DISEMBER, 1983.

1404 ربيع الاول

PERCUMA

Hidup dalam arena antarabangsa:

## SYUKURI NIKMAT HADAPI CABARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan dalam titah baginda bahawa dua sifat iaitu syukur kepada nikmat dan tahan menghadapi cubaan adalah diperlukan dalam masa kita menjalani hidup baru di arena antarabangsa sebagai negara yang penuh merdeka dan berdaulat nanti.

Titah Baginda, ketika itulah kita akan berhadapan dengan banyak cubaan-cubaa dari luar, dalam berbagai-bagai bentuk terutama dalam bidang kemajuan teknologi dan tamaddun yang mana ada sebahagiannya mungkin tidak bersesuaian dengan cara dan tujuan hidup kita di negeri ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah demikian dalam majlis Sambutan Perayaan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini pada hari Sabtu 17 Disember lepas.

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan seterusnya menekankan dalam titah baginda, bahawa perkara tersebut tidak akan dapat dicapai jika hanya dengan seruan-seruan atau usaha-usaha orang perseorangan

sahaja, tetapi ianya mestilah dikerjakan oleh semua golongan rakyat dan penduduk.

Dalam hubungan itu, janganlah hendaknya suatu cita-cita atau rancangan hanya dibuat oleh satu pihak sahaja sedangkan pihak yang lain tidak mengambil berat atau tidak mengambil indah, kerana lebih mengutamakan keinginan atau muslihat persendirian yang akan menjadi punca pecah belah sesebuah negara," titah Baginda lagi.

Untuk itu, Baginda berseru kepada sekalian umat Islam di negara Brunei Darussalam supaya menyedari hal ini dengan sedalam-dalamnya demi untuk mengelakkan berlakunya purak puranda akibat dari hasutan anasir-anasir jahat yang tidak ingin kita mencapai taraf kehidupan yang sempurna.

Kebawah D.Y.M.M. percaya, kesedaran ini akan dapat dicapai jika kita berpegang teguh pada hukum-hukum agama dan berjalan di atas landasan yang diredai oleh Allah s.w.t.

Dengan kurnia Allah itu juga, titah Baginda, negara kita telah dapat menjalankan apa jua rancangan yang difikirkan munasabah bagi mempertahankan dan mempertingkatkan nilai kemakmuran itu supaya dapat meliputi semua lapisan kehidupan.

"Apabila kita umat Islam sentiasa melihat dan mengamalkan sendiri suruhan-suruhan Allah itu, dengan rajin dan penuh usaha maka dengan sendirinya akan mudahlah negara kita mencapai cita-cita pada menjadikan Islam sebagai cara hidup kita," titah Kebawah D.Y.M.M. selanjutnya.

Sebaliknya, titah Baginda lagi jika hanya menjadi bahan percakapan dan tiada selalu dilihat dan jarang pula diamalkan, maka nescaya lambatlah atau mungkin tidak kita mendapat hasilnya.

Terdahulu dalam perhimpunan tersebut, sembah alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin. Di samping syarahan khas telah juga disampaikan oleh YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya.

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Y.A.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati, juga berkenan berangkat ke perhimpunan dan perarakan itu. Turut dalam perhimpunan itu ialah Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M. Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Menteri dan Menteri pedalaman dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan.

Lihat muka 18



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika melafazkan titah di Perhimpunan Maulud Nabi s.a.w. di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada hari Sabtu lalu.

Patut diambil berat:

## Faham dan cepat membaca

JALAN MUARA. — Ketua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awg. Mohd. Jamil Al-Sufri berkata latihan membaca cepat dan terus memahami itu patut diambil berat dan digalakkan sehingga tabiat dan kegemaran membaca daripada bahan-bahan yang berfaedah akan diteruskan oleh bangsa kita sebanyak-banyaknya.

Menurutnya, semakin subur tabiat suka membaca ini di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam maka semakin banyaklah ilmu pengetahuan yang berfaedah diketahui dan akan dapat digunakan bagi membangun bangsa dan negara.

"Faktor utama yang menyambungkan perhubungan kita dengan ahli ilmu pengetahuan itu sebahagian besarnya adalah melalui pembacaan sebab itulah usaha untuk memudahkannya kecepatan membaca dan memahami maksud sesuatu yang dibaca dijalankan supaya kemahiran membaca itu dapat dicapai lebih mudah," jelasnya.

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awg. Mohd. Jamil Al-Sufri menyatakan demikian ketika membuka rasmi Pelancaran Gerakan Budaya Membaca anjuran Perpustakaan Muda-Mudi, Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Dewan Sekolah Melayu Delima Satu

Lihat muka 18

## Permohonan masuk menengah Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran kini mempelawa permohonan-permohonan untuk memasuki Sekolah-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan bagi tingkatan I, II, III, IV, V dan VI Bawah bagi tahun persekolahan 1984.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Unit Dermasiswa dan Kebajikan, Latihan Dalam Perkhidmatan dan Bimbingan Bakat Kerja, Pejabat Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Atau dari Penyelia-penyelia sekolah di semua daerah di negara ini.

Penuntut-penuntut yang layak memohon mestilah sedang belajar dalam aliran Inggeris serta mempunyai kemajuan pelajaran yang baik dan juga memenuhi salah satu syarat akademik yang tersebut di bawah ini :

1. Tingkatan I : Pemohon mestilah lulus Peperiksaan Primary Certificate of Education
2. Tingkatan II : Pemohon mestilah lulus Peperiksaan Primary Certificate of Education dan juga peperiksaan tingkatan I.
3. Tingkatan III : Pemohon mestilah mempunyai Peperiksaan Primary Certificate of Education dan lulus tingkatan II.
4. Tingkatan IV : Pemohon mestilah lulus Peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education atau yang setaraf dengannya.
5. Tingkatan V : Pemohon mestilah mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sebanding dengannya di samping lulus tingkatan IV.
6. Tingkatan VI Bawah : Pemohon mestilah lulus Peperiksaan Brunei Cambridge pada peringkat biasa atau Peperiksaan Awam yang setaraf dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Pelajaran.

### MANISNYA IMAN

"TA ALLAH! Aku berhubung dengan-Mu daripada kekilangan nikmat yang Engkau limpahkan, dan daripada bilasan hukuman yang serta merta, dan daripada sega hukuman-Mu." — Hadis Nabi riwayat Muslim, At-Tarmizi dan Abu Dawud.

1 Januari 1984: Kita memasuki era baru penuh cabaran.  
Kekalkan perpaduan menjunjung kedaulatan negara.





21 DISEMBER, 1983.

*Dengan nama Allah yang  
pemurah dan maha penyayang*

## BAHASA MELAYU:

### DAYAUSAHA DAN PERANAN MASYA- RAKAT TIONG HUA

PENGUNAAN Bahasa Melayu secara meluas di negara ini tidak patut

dilihat cuma sebagai suatu yang wajar kerana kedudukannya sebagai bahasa rasmi menurut kehendak Perlembagaan. Penggunaannya dalam kehidupan harian bagi semua lapisan rakyat dan penduduk sebenarnya telah pun dikaitkan dengan salah satu ciri terpenting identiti negara.

Dalam hubungan inilah kita menyambut baik dayausaha Dewan Perniagaan Tiong Hua menganjurkan Minggu Bahasa baru-baru ini. Sekalipun sasarannya mungkin terhad tetapi usaha sedemikian menandakan suatu bentuk kemahuan di kalangan pemimpin masyarakat Tiong Hua bagi menggerakkan kesedaran yang menyeluruh di kalangan masyarakatnya mengenai kepentingan penggunaan Bahasa Melayu.

Khusus bagi orang-orang Tiong Hua di negara ini, seruan tentang perlunya mereka bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Melayu itu telah pula dikaitkan dengan kepentingan mereka menyesuaikan diri ke dalam suasana dan iklim setempat. Harapan dan hasrat Kerajaan dalam perkara ini telah dirantangkan dengan tegas bahawa

mempelajari Bahasa Melayu dan memakainya secara meluas bukanlah semata-mata untuk tujuan mendapatkan kerakyatan bahkan ialah juga untuk dapat diterima dan tidak dicurigai oleh rakyat yang terdiri dari penduduk tempatan. Kita percaya pemimpin-pemimpin masyarakat Tiong Hua telah memberi perhatian kepada hasrat tersebut. Tinggal lagi mereka kenalah meneruskan usaha dengan lebih giat bagi sama-sama meyakinkan masyarakatnya akan faedah serta tujuan mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu.

Oleh yang demikian kita menaruh harapan kempen yang dilakukan baru-baru ini tidak akan tinggal sebagai hanya acara bermusim. Kita ingin melihat kesannya di mana misalnya nanti rakan-rakan kita orang-orang Tiong Hua bertutur dan menggunakan Bahasa Melayu itu dengan kesedaran memenuhi salah satu asas kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Ini adalah sesuai seperti yang ditegaskan oleh YAB Pemangku Menteri Besar dalam ucapannya sewaktu melancarkan kempen yang diadakan baru-baru ini. YAB itu

menyebutkan bahawa setiap orang yang berikrar dengan lidah waktu mendukung Bahasa Rasmi itu berkewajipan pula mengaku di hati dan menzahirkan dengan perbuatan.

Setentunya kesan yang sedemikian itu tidak segera ketara dalam waktu yang singkat. Tambahan pula ia melibatkan kesanggupan mengambil sikap positif yang sudah barang tentu akan menghadapi berbagai cabaran. Dalam pada itu sangatlah penting usaha terus-menerus diambil dengan tekad dan azam yang bulat bahawa ia dilakukan dengan maksud suci kerana melaksanakan tanggungjawab masing-masing sebagai anggota masyarakat yang seharusnya berbuat bakti.

Di situlah peranan dan dayausaha Dewan Perniagaan Tiong Hua dan lain-lain pertubuhan masyarakat Tiong Hua di negara ini akan sentiasa dilihat. Dan lebih-lebih lagi akan diperhati serta diteliti ialah sejauh mana peranan dan dayausaha tersebut diambil kira oleh semua lapisan masyarakat Tiong Hua.

## Umat Islam diseru dalam ajaran Nabi

TUTONG. — Dalam memperingati jasa-jasa yang telah dipesakakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. umat Islam perlu berazam bersungguh-sungguh membaharui tekad untuk mempelajari ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah dengan sedalam-dalamnya supaya perintah itu dapat dijalankan dengan penuh keyakinan tanpa ragu-ragu terhadap sesuatu hukum yang telah ditentukan terutama hal-hal fardu 'Ain yang diwajibkan seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Perkara tersebut bukan hanya dilakukan secara taklid tetapi diketahui dengan sefaham-fahamnya dan ajaran-ajaran Islam yang telah diyakinkan itu diamalkan dengan sepenuhnya menjadi cara hidup kita tanpa keraguan, supaya fitnah pengaruh-pengaruh yang hendak merosakan Islam itu tidak dapat meresap dan ibadat itu diterima dan diredai-Nya.

Begitu juga dengan perjuangan umat Islam untuk menguatkan dakwah Islamiah yang telah dijalankan oleh orang yang terdahulu perlu diambil perhatian berat untuk disusun dengan rapi dan dipesatkan sehingga berkesan, supaya umat Islam di hari ini terpelihara daripada pengaruh-pengaruh dunia yang mengandungi berbagai-bagai fahaman sesat yang sedang melanda.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri berucap demikian selaku tetamu kehormat semasa Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bertempat di Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong Sabtu lalu.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menegaskan bahawa dalam mempelajari ajaran Islam bukan setakat melepaskan batuk di tangga tetapi hendaklah diadakan kajian terhadap pengajaran itu terutama isi kandungan Quran dan Hadis yang menjadi sumber utama ajaran Islamnya.

Dengan itu kata Y.B. pengajaran yang terkandung di dalamnya, akan dapat menjadi panduan sesuai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang telah menjadikan Islam cara hidup di Negara Brunei Darussalam ini dengan harapan mudah-mudahan cara hidup kita yang telah terpengaruh oleh pendapat barat itu akan balik semula ke pangkuan ibunda mengikut ajaran yang dipimpin oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Beliau menambah untuk melaksanakan cara hidup Islam bukan mudah menyebutnya dengan lidah kerana perkara itu mengandungi faktor-faktor yang tertentu yang perlu difahamkan maksudnya, terutama memahami isi kandungan dan maksud Quran dan Hadis yang menjadi punca ajaran Islam yang sangat luas itu.

"Sebab itu sikap kita terhadap ajaran Islam itu perlu diubah supaya lebih tegas, tidaklah seperti fahaman yang lazim kita lakukan selama berkurun-kurun yang lalu sehingga Quran yang menjadi panduan itu hanya dibaca sahaja tanpa ta'isliurkan erti maknanya yang mengandungi petunjuk itu," jelas Y.B. Pehin.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awg. Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

Kalau adapun ayat-ayatnya yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu tetapi maksudnya tidak dapat diketahui dengan sepenuhnya melainkan tertakluk kepada apa yang difahamkan oleh penterjemah itu.

Pada hal isi kandungan Quran dan Hadis, kata Y.B. perlu diketahui dan difahamkan maksudnya. Kalau sesuatu ilmu pengetahuan itu diketahui hanya sekerat-kerat sahaja, keadaan seperti ini boleh menimbulkan persoalan dan fahaman yang meragukan termasuk fahaman yang menyangka bahawa sama ada ajaran itu dapat dijadikan cara hidup yang sebenarnya oleh umat Islam atau sebaliknya.

Lihat muka 18 —

## PLBAB anjurkan lumba basikal jarak jauh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatir Brunei akan menganjurkan perlumbaan basikal jarak jauh 74 batu dari Kuala Belait ke Bandar Seri Begawan bersempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Perlumbaan tersebut terbuka kepada semua pelumba-pelumba tempatan dan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Berpasukan,

Perseorangan, dan beliau bawah umur 17 tahun yang mana dalam bahagian ini beliau-belai yang hendak menyertai dimestikan membawa kad pengenalan bagi kemudahan pihak penganjur untuk memastikan penyertaannya.

Kejohanan ini ditaja oleh Syarikat Marlboro untuk kali keduanya berturut-turut, dan pihak polis menasihatkan kepada pelumba-pelumba yang menjalani latihan supaya berhati-hati semasa di jalan-jalan raya terutama di tempat-tempat yang sibuk.

## HARGAI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN

PEKAN BANGAR. — Rakyat dan penduduk negara ini seharusnya bersyukur nikmat kurnia Allah dalam kehidupan sehari-hari, dan menjaga serta menghargai segala kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan selama ini.

Nikmat yang dikurniakan Allah tersebut dapatlah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu nikmat orang-orang perseorangan dan kedua nikmat yang dilimpahkan kepada negara berpandukan kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin dalam mengasaskan kesenangan untuk rakyat.

Manakala nikmat orang-orang perseorangan adalah seperti kesihatan tubuh badan dalam bekerja mencari rezeki, kenikmatan pemikiran, pelajaran, keimanan serta ketaatan terhadap raja dan ugama.

Demikian telah ditegaskan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya, Y.B. Pg. Dr. Ismail bin Pg. Haji Damit ketika berucap semasa majlis sam-



Y.B. Pengiran Dr. Ismail bin Pg. Haji Damit.

butan Maulud Nabi Muhammad, s.a.w. bertempat di Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan Temburong, pada hari Sabtu lalu.

Menurut Y.B. Pg. Dr. Ismail dari kurnia tersebut kita dapat menikmati taraf kehidupan yang baik lagi selesa, jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk di beberapa buah negara lain yang sering menghadapi penderitaan, kecelakaan, dalam mengharungi arus kehidupan.

"Adakalanya mereka ini dijadikan hamba abdi, dan ada pula yang terpaksa menjadi orang-orang pelarian dan adakalanya pula mereka ini dijadikan alat oleh pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab dengan menjadikan mereka sebagai umpan untuk mencapai cita-cita buruk".

Hasil kekayaan minyak yang dikurniakan Allah pada Yang Berhormat, memudahkan pihak kerajaan melancarkan berjenis-jenis pembangunan bagi kemudahan rakyat yang an-

taranya membina masjid, hospital, klinik, bekalan air, api letrik, telefon, kemudahan pelajaran baik di kota maupun di desa dengan kadar bayaran yang paling murah di rantau ini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, Kerajaan tidak membebaskan rakyatnya dengan bayaran "Income tax" seperti yang diamalkan di negara lain, malah Kerajaan telah memberikan sumbangan kewangan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik, dan orang-orang tua, yang mana hendaknyalah kita mensyukuri.

Dalam menikmati kesenangan-kesenangan tersebut Pengarah Jabatan Kerja Raya menjelaskan, kekesalannya kerana terdapat anasir-anasir jahat yang berusaha memburukkan kerajaan dengan melakukan penganiayaan dan kerosakan di tempat-tempat awam, di sekolah-sekolah, di bangunan-bangunan serta di tempat-tempat lain.

Terdahulu dari itu Pegawai Daerah Temburong Awang Abd. Aziz bin Mohammad selaku pengerusi majlis sambutan maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah menyampaikan ucapan alu-aluan, dan diikuti oleh wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Awang Kasim bin Haji Lamat menyampaikan ceramahnya.

## Pembetulan

Di muka 6 ruang 3 keluaran 'Pelita' minggu lalu terdapat kesalahan dalam para dua mengenai pengerusi mesyuarat BISTARI. Mesyuarat tersebut dipengerusi oleh Datu Hajah Harnani bin Haji Md. Hussein selaku pengerusi tetap B2/83 dan bukan Datu Edah bin Haji Mohd Noor.

Kesilapan tersebut adalah dikesali.



Menjelang kemerdekaan:

# BERBAGAI PIHAK BERI PERHATIAN



AWANG Haji Badaruddin ketika memberikan penerangan di majlis perjumpaan itu.

PEKAN BANGAR — Perhatian berbagai pihak dalam dan luar negeri untuk mengetahui sebarang perkembangan yang mungkin berlaku menjelang kemerdekaan negara ini telah semakin bertambah di mana kedua-dua pihak mempunyai kepentingan masing-masing.

Keperluan pihak-pihak di luar negeri ialah untuk segera mengesahkan dasar-dasar yang akan diikuti oleh negara ini terutama yang melibatkan perhubungan antarabangsa.

Sementara pihak dalam negeri menaruh perhatian kepada kemungkinan perubahan ke atas susunan kerajaan yang mana meneruskan hal ehwal negara dan rakyat akan diuruskan sesuai dengan tanggungjawab yang bertambah.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan demikian dalam ceramahnya kepada lebih 300 orang penduduk mukim



SEBAHAGIAN dari yang menghadiri perjumpaan tersebut.

mukim Daerah Temburong dalam Majlis Perjumpaan Penerangan di Dewan Kemasyarakatan di sini pagi Jumaat lepas.

Beliau seterusnya menjelaskan lagi bahawa minat pihak-pihak di luar negeri itu tentu dipengaruhi oleh gambaran mengenai negara ini yang dijelmakan ke dalam corak pemerintahannya selama ini dan sejauh mana corak itu diserapkan pula ke dalam perhubungan antarabangsa.

Mengenai perhatian yang

semakin meningkat di kalangan orang ramai di negara ini, menurut Awang Haji Badaruddin, ia juga adalah suatu pernyataan dari kepercayaan semua pihak bahawa kemerdekaan yang akan dicapai semula akan menambah tanggungjawab Kerajaan dan rakyat.

"Selain daripada itu, ia adalah kerana adanya kefahaman bahawa negara ini yang merdeka sepenuhnya perlu terus menerus teguh dengan mempunyai Kerajaan yang berwibawa yang bukan



SALAH seorang peserta yang mengajukan soalan.

## AMDB anjur pameran kerjaya tentera di SISB

PEKAN TUTONG. — Satu pameran kerjaya tentera telah diadakan di Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di sini pada hari Selasa 6 Disember lepas.

Pameran itu diselenggarakan oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei sebagai satu siri pameran kerjaya di sekolah-sekolah.

Diperlihatkan di pameran itu termasuklah senjata-senjata yang digunakan oleh pasukan AMDB di laut, darat dan udara.

Pengunjung-pengunjung yang terdiri dari penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai telah diberi kesempatan menaiki kenderaan

seperti kereta perisai dan pesawat helikopter.

Selain itu mereka juga berpeluang menguji kecekapan menembak ke sasaran yang disediakan dan membuat perhubungan melalui alat perhubungan yang terdapat di khemah Bahagian Semboyan pasukan tersebut.

Terdahulu dari ini, pameran yang serupa telah juga diadakan di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sekolah Sains pada 4 Disember lalu.

Sementara di Maktab Anthony Abell pameran diadakan pada hari Khamis lepas.



KERJANGAN jelas terbayang di wajah penuntut-penuntut ini bila diberi kesempatan menaiki salah sebuah kereta perisai di pameran serupa yang diadakan di MMPB/Sekolah Sains dengan diberi penerangan oleh pegawai berkenaan.

sahaja untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk bahkan juga untuk sepenuhnya mentadbirkan negara serta memberikan kepimpinan yang berkesan kepada rakyat ke arah memenuhi kehendak-kehendak negara yang merdeka," tambah Pengarah Penerangan.

Perjumpaan Penerangan itu telah juga dihadiri oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim bin Akim; Y.B. Pehin Datu Laila Raja Haji Abu Bakar bin Baha; penghulu-penghulu; ketua-ketua kampung; ketua-ketua rumah panjang; dan pegawai-pegawai Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Penghulu Mukim Pekan Bangar, Pengiran Julaihi bin Pengiran Tajuddin selaku pengerusi majlis perjumpaan telah juga menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Sesi tanya-jawab pula telah dipengerusikan secara bergilir oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Badar dan Awang Noor Ariffin bin Abdullah.

## Ibu bapa punya peranan penting kepada anak-anak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Kegiatan Luar, Awang Jali bin Abd. Rahman menyatakan ibu bapa mempunyai peranan penting memberikan kerjasama kepada guru-guru demi kemajuan anak-anak di bidang pelajaran mereka.

Menurutnya, perhubungan antara ibu bapa dan guru pada masa ini amat berkecuali jika dibandungkan di masa lampau kerana kurangnya kefahaman serta tidak amil perhatian tentang kemajuan anak-anak di sekolah.

Cara yang paling baik untuk mengatasi masalah tersebut katanya ialah dengan menubuhkan jawatankuasa sekolah yang nantinya ibu bapa berkesempatan mengikuti perkembangan, dan seterusnya dapat berhubung dengan guru-guru.

Untuk itu beliau berharap, agar ahli-ahli jawatankuasa sekolah dan ibu bapa akan dapat memainkan peranan penting pada menyelesaikan setiap masalah dalam menghadapi tanggungjawab sekolah yang berhubung dengan memadamkan hal anak mereka.

Beliau berucap ketika merasmikan sambutan Hari Ibu Bapa di Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada hari Ahad lepas. Terdahulu dari itu Setiausaha Jawatankuasa Sekolah dan Hari Ibu Bapa, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Md. Safar telah menyampaikan ucapan antara lain menyentuh mengenai disiplin murid-murid di sekolah.

Katanya, disiplin bukan sahaja menjadi tanggungjawab para guru malah juga terletak pada ibu bapa untuk mengasuh mendidik di rumah agar tidak

berkelakuan liar, atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan.

Menyentuh tentang disiplin tersebut tegasnya, ibu bapa seharusnya menasihati anak-anak mereka meskipun masa untuk bermesra dengan anak-anak terlalu terhad disebabkan tugas-tugas seharisan.

Acara sambutan Hari Ibu Bapa di Sekolah tersebut termasuklah Persembahan pentas, pameran-pameran, kerja tangan, sulaman, sukan kecil, serta penyampaian hadiah.



KECURIHAN salah seorang penuntut Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah sedang menaiki pesawat helikopter sementara dua rakannya yang lain pula sedang menerima penerangan dari salah seorang pegawai.



# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

## PENGKEBUMIHAN JENAZAH DAN KENDURI

### Pahala sampai kepada si mati

ORANG-orang Islam sekarang membaca tahlil mendoakan keampunan bagi si mati, membaca Quran di mana pahalanya disedekahkan, atau dihadiahkan kepada si mati, bersedekah dan berkenduri makanan di mana pahalanya disedekahkan kepada si mati, maka tiadalah ada tegahan syarak padanya bahkan disuruh malah sunat bersedekah dan berdoa bagi memohon keampunan kepada si mati seterusnya bertahlil, berkenduri dan membaca Quran seperti dalam majlis tiga hari, dan tujuh hari dan empat puluh hari kerana kematian sebagaimana yang telah diriwayatkan daripada At-Tabiul Jalil yang meninggal di Mekah tahun 102 atau 103 Hijrah. Mujahid yang telah berkata: "Orang

Mukmin yang mati tetaplah langit dan bumi menangisi akan kematiannya selama empat puluh pagi, ditanya orang mengapa kamu menangis hai langit dan bumi? Katanya mengapa bumi tiada menangis seorang hamba Allah yang telah memakmurkan bumi dengan rukuk dan sujud? Mengapa langit tidak menangis kematian seorang hamba Allah yang tasbihnya (Subhanallah) menderam dan menderum seperti menderamnya bunyi lebah! Orang bertanya, apa tanda langit menangis? Tandanya merah warna arah-arah langit itu."

Adapun orang yang bukan Mukmin tiada beriman kepada Allah s.w.t. maka tiadalah langit dan bumi menangis, sebagaimana firman Allah s.w.t. tentang orang-orang Firaun yang telah Allah karamkan mereka (dalam Teluk Terusan Suez) yang bermaksud: "Tiadalah langit dan bumi menangkan Firaun dan orang-orangnya"

Berkata Al-Imam Al-Khazir (As-Syafie) yang me-

ninggal tahun 147 Hijrah dalam mentafsirkannya: "Kerana orang Mukmin itu apabila ia mati, maka menangislah langit dan bumi empat puluh pagi dan orang-orang Firaun itu kerana tiada ada amal salih mereka yang naik ke langit, maka tiadalah langit menangkan kehilangan mereka dan kerana tidak ada amal salih mereka di atas muka bumi maka tiadalah bumi menangisi mereka."

Daripada sahabat Anas bin Malek dalam Hadis marfuk yang bermaksud: "Orang Mukmin mempunyai dua pintu, satu pintu naik amal ibadahnya menerusi pintu itu ke langit, dan satu pintu yang lain turun rezeki untuknya dari langit melalui pintu itu. Maka apabila orang Mukmin itu mati menangislah kedua-dua pintu itu. Itulah tafsir terhadap Firman Allah s.w.t. dalam ayat tersebut. Kata kaul yang lain: Bahawa yang menangisi orang Mukmin yang mati itu ialah penduduk langit dan bumi."

Tersebut dalam kitab Al-Awarif daripada sahabat

### (Sambungan)

### Siri ke-205

Anas r.a. telah berkata: "Pada tiap-tiap pagi dan petang, maka rantau-rantau bumi itu memanggil setengahnya akan setengahnya: "Adakah lalu seorang yang memberi salawat di atas kamu (memberi salam), atau seorang berkata zikir Allah kepada kamu? Setengah rantau itu berkata: Yah, dan setengah rantau yang lain berkata: Tiada. Maka apabila rantau itu berkata: Ya, maka rantau itu telah diketahui bahawa dia telah mendapat sesuatu kelebihan dari rantau yang berkata Tiada."

"Seseorang hamba Allah yang berkata zikir Allah pada mana-mana rantau bumi, atau ia bersalawat ke atas rantau itu, (memberi salam), maka rantau itu akan menjadi saksi di sisi Tuhan bagi orang itu pada hari Kiamat, dan menangislah rantau yang kena salawat dan diselubungi oleh zikir Allah itu, ke atas orang yang berzikir dan bersalawat pada hari orang itu mati."

Dalam Nazmul Imam As-Suyuti yang meninggal tahun 911 Hijrah Rahimatullahi Taala: Telah disebutkan oleh Ubaid bin Amru dari riwayat Ibnu Juraij (Al-Alim Al-Alamat Al-Faqeh): Bahawa orang Mukmin dicuba dengan fitnah sepanjang masa tujuh hari, dan orang munafik difitnah dengan percubaan sehingga empat puluh hari. Beliau berkata bahawa: "Adalah sahabat-sahabat (radiallahu anhum) telah berkata bahawa: sunat memberi makanan akan orang dan berkenduri kerana si mati, sepanjang tujuh hari dari kematiannya untuk menolong si mati dari kesusahan percubaan fitnah dikuburnya itu."

Maka perkataan At-Tabiul Jalil Mujahid itu hingga akhir seperti di atas, saya salinkan dari perkataan Al-Imam Al-Arif billahi Taala Al-Alamat Al-Faqeh As-Syiekh Ahmad bin Ismail Al-Huluwani Al-Khaliji As-Syafie Al-Azhari yang meninggal tahun 1308 Hijrah dalam kitabnya

Wasaal Arrahmati fima yatlubu liman mata. Kemudian katanya: "Dari apa yang saya sebutkan di atas ini, maka sayugia bersedekah, berkenduri kerana si mati itulah dayausaha yang kita boleh buat bagi menolong si mati itu."

Itulah satu-satu dalil bagi perbuatan orang-orang Islam sekarang yang bersedekah, berkenduri, berdoa, membaca Quran, bertahlil kerana si mati di mana pahalanya mereka harapkan supaya Allah s.w.t. menerimanya. Oleh kerana mereka berniat mensedekahkan pahalanya itu kepada si mati, dari itu hendaklah bacaan Quran, tahlil dan sedekah dan kenduri itu diniatkan pahalanya disedekahkan kepada si mati supaya sampai pahala itu kepada si mati.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM

### Peperiksaan City & Guilds of London

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Brunei sekarang sedang membuat persediaan untuk peperiksaan City and Guilds of London dalam beberapa mata pelajaran yang akan berjalan pada bulan Mei dan Jun tahun depan.

Calon-calun sekolah adalah diminta mendapatkan borang-borang dari Pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal Jalan Muara, Pusat Latihan Teknikal Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait dan Ketua Latihan Teknikal Syarikat Minyak Shell Berhad di Seria.

Bagi calon-calun persendirian mereka boleh mendapatkan borang daripada Ketua Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran di Kompleks Bangunan Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama mulai dari 21 Disember hingga 12 Januari tahun depan.

Borang-borang yang telah diisi beserta sijil-sijil akan dikeluarkan oleh City and Guilds of London Institute jika ada hendaklah sampai kepada Ketua Lembaga Peperiksaan tidak lewat daripada 12 Januari 1984.

## Penuntut MPUSB akan terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 46 orang guru lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan akan menerima sijil mereka dalam satu majlis yang akan diadakan di Dewan Maktab tersebut pada hari Isnin 2 Januari 1984.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin akan menjadi tetamu kehormat dan akan menyampaikan sijil-sijil tersebut.

Di samping penyampaian

sijil, penyampaian hadiah pelajaran terbaik kepada penuntut maktab tersebut juga diadakan.

Penerima-penerima sijil yang disenaraikan nama mereka di bawah ini adalah dikehendaki datang ke Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 28 dan 29 Disember jam 8.30 pagi untuk menjalani latihan (rehearsal) sebagai persiapan bagi majlis penyampaian sijil tersebut.

Senarai Guru-guru yang akan menerima sijil dalam majlis penyampaian sijil Maktab Perguruan Ugama

Seri Begawan pada 2 Januari, 1984.

599 A Yahya bin Apong, 600A Md. Ali bin Timbang, 601A Ahmad bin Hj. Md. Noor, 602B Haji Abdullah bin Pehin Khatib Hj. Wahid, 603B Awang bin Hj. Abd. Kadir, 604B Takong bin Dullah/Dollah, 605B Md. Gafar bin Menunddin, 606A Zabidi bin Pandin, 607B Ak. Yunus bin Pg. Mashor, 608B Mohd. Zaidi bin Zakaria, 609B Roslan bin Taha, 610B Suhaili bin Hj. Metali, 612B Ismail bin Md. Arshad, 613B Zainun bin Hj. Mohd. Daud, 614B Jamilah bte Hj. Manaf

615B Hajjah Saemah bte Abdullah, 616B Siti Arbi bte Hj. Libut, 618B Aidah bte Mohd. Yusof, 619B Halimah bte A. Bungsu, 620B Azizah bte Ibrahim, 621A Mahani bte Hj. Musa, 622B Noraini bte Arif, 623B Mariam @

Norlela bte Bungsu, 624B Ramlah bte Hj. Sulaiman, 625B Faridah bte Bungsu, 626B Noraini bte Sabtu, 627B Fatimah bte A. Daud, 628B Mariam bte Mohammad, 629B Adi Kelana bte Mohd. Zain

630B Dk. Rahimah bte Pg. Hj. Jamaluddin, 631B Safiah bte Md. Jair, 632B Hasnah bte Hj. Mahadi, 633A Ramlah bte Ibrahim, 634B Dy. Acheh bte Hj. Besar, 636B Noraini bte A. Tuah, 637B Rasiah bte Shahminan/Saminan, 638B Nafiah bte Paka, 639B Afsah bte Ahmad, 640B Adizah bte Taha, 641B Saebah bte Hj. Zainin, 642B Halimah bte Suhaili, 644B Rohayah bte Minuddin, 645B Rusnani bte Abd. Manan, 646B Mahani bte Hj. Md. Zin, 647B Sa'adiah bte Hj. Tuah, 560A Apsah bte Othman

## PERKASA anjur peraduan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampung Saba (PERKASA) untuk kali keduanya akan menganjurkan peraduan membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan mendiklamsikan sajak Isnin depan, 26 Disember, 83.

Peraduan tersebut adalah terbuka kepada belia-belua yang tinggal di Mukim Saba dan akan mengambil tempat di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bermula jam 8.30 pagi.

Di samping memperingati sambutan maulud, peraduan itu adalah bertujuan untuk

meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan belia-belua di samping merupakan satu galakan untuk mereka agar sentiasa mendampingi dengan Al-Quran.

Tetamu kehormat di majlis itu nanti ialah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Aliakbar bin Abu Bakar.

Jawatankuasa peraduan meminta penduduk-penduduk yang tinggal di mukim Saba supaya akan dapat sama-sama hadir untuk memeriahkan majlis itu nanti.

### Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21 Disember, 1983 hingga ke hari Selasa 27 Disember, 1983 adalah seperti di bawah ini: —

| Hari<br>Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari<br>Terbit |
|---------------|-------|------|---------|-------|-------|-------|--------------------|
| 21 Dis        | 12.26 | 3.45 | 6.21    | 7.36  | 4.52  | 5.07  | 6.25               |
| 22 Dis        | 12.26 | 3.45 | 6.21    | 7.36  | 4.52  | 5.07  | 6.25               |
| 23 Dis        | 12.26 | 3.45 | 6.21    | 7.36  | 4.52  | 5.07  | 6.25               |
| 24 Dis        | 12.26 | 3.45 | 6.21    | 7.36  | 4.52  | 5.07  | 6.25               |
| 25 Dis        | 12.26 | 3.45 | 6.21    | 7.36  | 4.52  | 5.07  | 6.25               |
| 26 Dis        | 12.28 | 3.47 | 6.24    | 7.39  | 4.54  | 5.09  | 6.27               |
| 27 Dis        | 12.28 | 3.47 | 6.24    | 7.39  | 4.54  | 5.09  | 6.27               |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.



# MEMPERINGATI MAULUD KERANA CINTA KEPADA BAGINDA

**M**ARILAH kita sama-sama bertakwa dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Pada esok hari insya-Allah kita umat-umat Islam di mana jua pelusuk dunia ini akan menyambut dan merayakan hari lahirnya junjungan besar

kita Nabi Muhammad s.a.w. iaitu Nabi dan Rasul yang penyudah kepada para sekalian Nabi dan Rasul. Serta Nabi dan Rasul yang telah diutus kepada sekalian umat manusia untuk mendatangkan rahmat kepada seluruh alam dan untuk mengingatkan manusia bahawa di akhirat nanti akan terdapat

balasan syurga kepada siapa yang beriman dan bertakwa kepada Allah manakala bagi mereka yang kufur tidak mahu beriman dan bertakwa akan dihumbankan ke dalam neraka sebagai bahan kayu api neraka.

Di dalam kita menyambut dan merayakan kelahiran junjungan kita,

di dalam apa jua bentuk dan caranya, janganlah kita lari dari konsep yang sebenarnya iaitu semata-mata adalah kerana cinta dan kasih sayang kita kepada Baginda, kerana ianya bukan merupakan hari untuk bersukaria bahkan sepatutnya hendaklah kita jadikan lagi untuk menambah dan mengingatkan lagi perasaan cinta dan kasih sayang kita kepada Baginda, iaitu cinta dan kasih sayang yang mengatasi segala-galanya selain daripada Allah.

## CINTA DAN KASIH

Adalah merupakan suatu kenyataan dan hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa kalaulah perasaan cinta dan kasih sayang itu tidak pernah wujud di dalam hati dan sanubari diri seseorang terhadap sesuatu atau seseorang selain dirinya sendiri, maka bagaimana ianya akan dapat berbakti, berkorban atau takut dan segan kepadanya. Kerana hakikat atau orang yang bercinta dan berkasih sayang itu tidak lari daripada amalan ingin berbuat baik, berbakti, berkorban, takut kepada yang dikasihinya, sebenarnya amalan itu dibuat adalah semata-mata kerana ingin melibatkan dan membuktikan betapa mendalamnya cinta dan kasih sayangnya itu.

kasih sayang kepada Rasulullah s.a.w. Kalau ada barangkali adalah hanya di mulut tidak di hati. Kerana itu tidak hairan kenapa umat Islam pada masa ini jauh ketinggalan, berbanding dengan umat-umat Islam di zaman para sahabat dan tabien, yang sentiasa mendapat aniaya dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala, lantaran kasih mereka kepada Allah dan Rasul-Nya melebihi dari segala-galanya, kerana mereka yakin dan beriman bahawa apa yang dinyatakan oleh Al-Quran itu adalah perkara yang hak yang tidak dapat diragukan kerana Allah ada berfirman mengenai hal ini di dalam Al-Quran di dalam Surah At-Taubah ayat 24 yang kira-kira tafsirnya:

"Katakanlah andainya bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri kaum keluarga kamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khusatir kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai adalah lebih kamu kasihan dan sayangi daripada Allah dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya. Maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi pertunjuk kepada orang-orang yang fasik."

Oleh itu wahai kaum Muslimin! Sempena kedatangan hari lahirnya junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. ini yang kita sambut dan raikan dengan bermacam cara, maka di samping itu, marilah kita sama-sama tanamkan perasaan kasih sayang kita yang sebenarnya kepada junjungan kita ini iaitu dengan membuktikannya dengan perbuatan-perbuatan dan amalan-amalan yang diajarkannya dan disuruhkannya dengan itu kita akan mendapat safaat Baginda di akhirat nanti.

## PERIBADI RASULULLAH PATUT DICONTOKI

Ole: Yaakob Haji Metali

*Bingkisan  
minggu  
ini*

**K**ELUHURAN peribadi Nabi Muhammad s.a.w. tidak perlu dipertikaikan lagi. Semua orang yang mengkaji peri hidup Baginda sama ada dari golongan orientalis mahupun orang-orang Islam sendiri telah memuji ketinggian peribadi Baginda. Ini bersesuaian pula dengan Firman Allah dalam Surah Al-Qalam ayat 4 bermaksud: "Sesungguhnya Nabi Muhammad itu mempunyai budi pekerti yang luhur".

Kalau kita kaji sejarah kehidupan Baginda s.a.w. kita akan mendapati sepanjang hidup Baginda, Baginda sentiasa berkelakuan baik dan tidak pernah melibatkan diri di dalam perkara-perkara yang cemar.

Semasa kanak-kanak umpamanya, pada lazimnya kanak-kanak suka berkelahi atau berebut-rebut untuk mendapatkan sesuatu benda atau makanan. Tetapi bagi Nabi s.a.w. semasa Baginda masih kecil Baginda tidak berkelakuan seperti itu, malah Baginda selalu mengalah dan tidak suka bergaduh.

Semasa remaja pula,

Nabi Muhammad s.a.w. sangat terkenal di kalangan kaumnya sebagai seorang yang baik, jujur dan amanah. Dengan peribadi yang luhur itu telah menarik perhatian Khadijah seorang janda kaya, di mana beliau telah sanggup menyerahkan barang-barang dagangannya kepada Nabi untuk diperniagakan ke Negeri Sham. Hasilnya, perniagaan yang Baginda jalankan mendapat keuntungan yang besar disebabkan tingkah laku Baginda yang jujur itu. Dan ekoran dari itu Khadijah telah tertarik hati untuk menjadikan Baginda sebagai suami.

Sebelum diangkat menjadi Rasul pula, Nabi Muhammad s.a.w. sangat dihormati oleh semua penduduk Mekah. Ini tidak lain adalah disebabkan budi pekerti Baginda yang sangat mulia itu. Tetapi setelah Baginda diangkat menjadi Rasul dan melahirkan satu ajaran baru yang bertentangan dengan kepercayaan mereka, maka bertukarlah penghormatan itu kepada kebencian dan penghinnaan. Nabi diejek, dilontar dengan batu, dianiaya

dengan menaruh duri di jalan-jalan yang Baginda lalui dan malah bermacam-macam lagi yang mereka lakukan ke atas diri Baginda. Walaupun demikian, Baginda tetap sabar dan tabah dalam menghadapi perkara-perkara tersebut, demi menanti kebenaran dan ajaran Allah s.w.t.

Sesuai dengan tugas Baginda dan Rasul, Nabi Muhammad s.a.w. memiliki semua sifat yang baik dan sempurna lagi terpuji termasuk menepati janji. Selain daripada itu Baginda juga memiliki sifat tegas dalam perjuangan, mempunyai pandangan yang jauh, lemah lembut, pengasih, penyayang dan bermacam-macam lagi.

Jadinya kita sebagai umat Baginda patut mencontohi sifat-sifat peribadi Baginda yang baik, sempurna dan terpuji itu, yang mana bukan saja semasa kita menjalankan tugas-tugas sehari-hari tetapi juga dalam semua aspek kehidupan kita.

## MENGAKU BERIMAN

Sebagai seorang yang mengaku dirinya beriman, maka sayugialah mengutamakan perasaan kasih sayangnya itu diberikan kepada junjungan kita selepas ianya mengasihi Allah Subhanahu Wataala, kerana adalah tidak dikatakan beriman dengan sebenar-benar iman seorang itu kalau bukan Allah dan Rasul-Nya Muhammad s.a.w. yang lebih utama dikasihinya dan dicintainya. Ini jelas sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. sendiri yang kira-kira bermaksud: "Tidaklah beriman seseorang hamba Allah itu dengan sebenar-benar iman sehingga aku (Rasulullah) lebih dikasihinya daripada kasih akan keluarganya, hartanya dan manusia seluruhnya."

Manakala Allah pula ada berfirman di dalam Al-Quran Surah At-Taubah ayat 62 yang kira-kira tafsirnya: "Pada hal Allah dan Rasul-Nya itulah yang lebih patut mereka cari keredaannya (yang mereka kasihinya) jika mereka orang-orang yang beriman."

## JAUH KETINGGALAN

Akan tetapi apa yang menjadi kenyataan pada masa ini perasaan cinta dan kasih sayang kepada perkara-perkara lain adalah melebihi cinta dan

**Baitul Mal terima \$1,150**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejumlah wang \$1,150.00 dari tabung kewangan Masjid Kampung Kilanas telah diserahkan kepada bahagian

Baitul Mal Zakat dan Fitrah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Jawat Pengerusi Tetap Jawatankuasa masjid tersebut Awang Haji Mahalle bin Haji

Abdullah kepada Setiausaha Baitulmal Zakat dan Fitrah Awang Haji Kamaluddin bin Haji Momin di pejabatnya di sini pada 8 Disember lalu.





# PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULUD DI TEMBURONG

PEKAN BANGAR. — Seramai lebih dari 2,500 orang Umat Islam di Daerah Temburong telah menyertai perhimpunan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang telah diadakan di Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Temburong pada hari Sabtu lepas.

Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Berhormat Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit telah menjadi tetamu kehormat diperhimpunan tersebut dan seterusnya mengepalai perarakan sejauh kira-kira dua batu.

Sebanyak 25 buah pasukan telah menyertai perarakan, yang terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah rendah dan menengah, persatuan-persatuan belia, badan-badan

kebajikan serta orang-orang muallaf di daerah ini.

Aturcara pada pagi itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Zunaidi bin Haji Abdullah, dan kemudiannya diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi sambutan Awang Abd Aziz bin Mohammad, serta ceramah yang disampaikan oleh Awang Kasim bin Haji Lamat, dan seterusnya ucapan dari tetamu kehormat Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Damit Pengarah Jabatan Kerja Raya.


Perhimpunan pada pagi itu telah diserikan oleh persembahan pukulan hadrah serta zikir marhaban oleh pegawai-pegawai masjid dan ketua-ketua pasukan yang turut sementara bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Awang Haji Tasim bin Akim Kadi Daerah Temburong.



PERSEMBAHAN marhaban adalah merupakan satu-satunya menghidupkan setiap perhimpunan bagi memperingati kelahiran junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Gambar bawah menunjukkan salah sebuah pasukan hadrah yang menyertai perarakan.



TETAMU Kehormat, Yang Berhormat Pengiran Dr. Ismail diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai perhimpunan dan perarakan tersebut. Bawah, sebuah lagi pasukan yang menyertai perarakan tersebut.



BACAAN Ayat-Ayat Suci Al-Quran dipersembahkan oleh Awang Zunaidi.




DENGAN bergemanya zikir marhaban yang diikuti dengan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. bermulalah perarakan bagi memperingati kelahiran Baginda yang disertai oleh lebih daripada 5,000 orang umat Islam di Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong Sabtu lalu.

Sebanyak 43 buah pasukan telah mengambil bahagian yang terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, pertubuhan-pertubuhan awam, dan orang-orang kampung di daerah tersebut.

Tetamu kehormat di majlis pagi itu ialah Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri. Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Gkgu Yahya bin Apang dan diikuti oleh ucapan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ahmad bin P.O.K.D. Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Mohd. Yusoff.

Sebuah syarahan telah disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku wakil Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Perarakan hari itu di dahului oleh ahli-ahli Persatuan Melayu Keriam Tutong (PESAKA), mengelilingi Pekan Tutong yang jauhnya kira-kira dua batu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang. Haji Mohd Jamil Al-Sufri diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan tersebut.

## PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULUD NABI DI TUTONG



TETAMU kehormat dan jemputan khas sedang sama-sama membawakan zikir marhaban sebelum perarakan bermula.



SALAH sebuah pasukan yang mengambil bahagian dengan cogan kata mereka.



PASUKAN-pasukan mula melakukan perarakan.





SETELAH melafazkan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan beramah mesra dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian. Gambar atas kelihatan salah seorang ketua pasukan junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



YANG Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abd Aziz, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, ketika berangkat ke perhimpunan Maulud (atas) sementara gambar bawah kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan lain-lain Kerabat Diraja ketika menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.



## LEBIH 23 RIBU SERT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jalan Macarthur dan Jalan Pretty dan seterusnya kembali di tempat yang sama. Turut serta dalam perarakan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Y.T.M Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia puteri-puteri Diraja serta kerabat Diraja yang lain.

Perarakan sejauh tiga batu itu bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan melalui Jalan Elizabeth, Jalan Stoney, Jalan Dato Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Sungai Kianggeh, berangkat berceramah dengan kerabat Diraja mengambil bahagian di

Sebelum perarakan, Marhaban beramah-mesra oleh YDM Pehin-Pehin dan Pegawai-pegawai ketua pasukan yang mengambil bahagian. Dan selepas selamat oleh Yang Teramat Mulia Imam Datuk Paduka Seri Abd. Hamid bin Abd. Brunei seterusnya berarak sebanyak tiga kali oleh Pehin Siraja Khairi Omar Tamrin bin Abd. Hamid.



ACARA pada hari itu dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Yang Mulia Mudim Awg. Mustafa bin Haji Murad (atas) dan syarahan khas oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YDM Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awg. Haji Yahya (bawah). Gambar bawah pula kelihatan persembahan marhaban yang disertai oleh pegawai-pegawai masjid dan ketua-ketua pasukan yang punan.





**RTB**

# Intisari minggu ini

Balai Drama :

## TIADA JALAN KEMBALI

OLEH: LATIFAH

BALAI Drama yang memakan masa kira-kira 45 minit untuk keluaran hujung bulan ini bertajuk **TIADA JALAN KEMBALI** tulisan Latifah, Brunei.

Penulis memilih tema cinta dalam karyanya dan diolah dengan satu cara yang menarik. Zurinah, pemegang watak utama dalam drama ini, merasakan dirinya tidak bersalah bila ia sering bertemu dengan Hashim bekas teman lamanya ketika menuntut di luar negeri, yang kini telah dianggapnya sebagai teman biasa.

Tapi sebagai seorang isteri dan ibu kepada seorang anak, perbuatannya itu tetap tidak menyenangkan dan dianggap menjolok mata oleh suami dan ibunya sendiri. Sejak kepulangan Hashim, Zurina tidak lagi betah di rumah dan layanan terhadap suami dan anaknya juga sudah berkurangan.

Di saat-saat beginilah, kekuatiran mula meresapi fikiran suaminya, Kamal. Dengan kehadiran Hashim di antara mereka, ia merasakan jurang perpisahan sudah semakin mendekat. Ketika fikirananya terganggu itu jugalah ia teringat semula dengan permintaan ibunya yang menghendaki ia berkahwin dengan sepupunya sendiri, Manis.

Dalam diam-diam Kamal telah mengambil tindakannya sendiri untuk membawa Manis ke rumahnya dan menjaga anaknya yang tidak mendapat perhatian dari ibunya sendiri. Kerana itu Zurina mula menyedari akan kesilapannya, lebih-lebih lagi bila Hashim sudah mempunyai seorang teman untuk dijadikan isteri.

Bagaimanakah kedudukan Zurina setelah sekali gus menghadapi masalah tentang suaminya dan Hashim yang cuba mencari jalan sendiri itu? Adakah peluang bagi Zurina untuk memperbaiki kesilapannya? Untuk penjelasannya, ikutilah siaran Balai Drama pada hari Ahad 25 Disember, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.



JEFF Conway sebagai Prince Erik Greystone dan Julie Duffie sebagai Princess Ariel — dua karektor dalam siri baru yang telah bermula Khamis lepas berjudul **WIZARDS AND WARRIORS**.

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

LAGU-lagu ciptaan dan nyanyian Allahyarham P. Ramlee menjadi pilihan peserta rancangan **Dari Pendengar Untuk Pendengar** minggu ini iaitu Awang Kamsi bin Salleh di alamat No. 1 'A' Barik Hospital Jalan Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kepada awda yang meminati rancangan ini jangan lupa bersama pesertanya yang akan ke udara pada hari Isnin jam 1.30 petang bersamaan 26 Disember. Dan untuk makluman para peminat rancangan ini pada tahun 1984 rancangan ini akan ke udara pada tiap-tiap hari Selasa jam 4.00 petang.



## Radio Minggu Ini: RANCANGAN MELAYU DENGAN TAHUN '84

SEKARANG kita akan berada di anak tangga terakhir tahun 1983 dan tidak beberapa hari lagi setiap kaki kita akan melangkah masuk ke ambang tahun 1984. Semua orang akan meninggalkan tahun 1983 dengan berbagai-bagai kenangan, demikian juga halnya dengan Bahagian Melayu Radio Brunei. Kami akan melangkah masuk ke gerbang tahun baru dengan keping-keping hati yang mengandung beberapa peristiwa suka duka, peristiwa jatuh dan bangun, pengalaman pahit dan manis, senyum dan sugul. Kegagalan pada tahun 1983 akan kami jadikan pelajaran hidup dalam usaha memperbaiki daya-penyiaran sedang kejayaan pula akan kami jadikan panduan dan landasan bertolak dalam mengusahakan peranan-peranan penyiaran di tahun baru 1984.

adalah disebabkan kekurangan dalam beberapa segi.

Sebenarnya dalam menghadapi tahun 1984, Bahagian Melayu telah merangka garis-garis kasar dan halus untuk mendapatkan teras-teras penyiaran. Acara-acara baru untuk rangkaian penyiaran harian sudah disusun sejak beberapa bulan yang lalu, penyusunan dibuat hasil pertimbangan beberapa kepala yang menerbitkan idea-idea baru untuk menyampaikan mesej kerajaan kepada orang ramai di samping mengembeling sudut sastera, budaya, sukan, hiburan dan pendidikan ringkas yang efektif.

Dalam penyusunan semula rancangan Melayu ini, teguran atau kritikan dari orang ramai juga tetap dijadikan neraca pertimbangan, namun demikian kami hanya dapat memberikan jaminan bahawa penyusunan semula rancangan ini tidak akan dapat memuaskan hati semua pihak. Ya, bagaimana kami akan memberikan jaminan yang memuaskan semua pihak andainya para pendengar 'teenagers' anak-anak muda merungut bila dikurangkan putaran lagu-lagu pop. Mereka komplen kerana rancangan lagu-lagu permintaan tidak mencukupi. Mereka 'protest' kalau skrip-skrip drama cinta — asmaranya mereka kami bakul sampahkan. Dan bila dituruti putera kemahuan mereka lantas golongan dewasa pula sakit telinga, lantas bikin komplen lagi, protest lagi, ini tak kena, itu tak lurus, orang radio gila cinta.

Walaupun begitu satu perkara yang sudah pasti dan tentu iaitu dasar kita ialah meyalurkan penerangan kepada orang ramai, dan atas nama penerangan inilah kami akan mengembeling tenaga pada 1984 yang akan datang. Selamat tahun baru.



**PANDAMONIUM** — di kaca TV awda tiap-tiap hari Isnin kira-kira jam 5.15 petang.



# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 21 DISEMBER

| PAGI                                           | PETANG                             | MALAM                                                                                                                                                                                                 |
|------------------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 9.00 PEMBUKAAN                                 | 4.15 PEMBUKAAN                     | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                                                                                                                                                                     |
| 9.05 UPACARA PEMBUKAAN MAJLIS MESYUARAT NEGERI | 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA | 7.15 REMINGTON STEELE: "Your Steele the One For Me"                                                                                                                                                   |
| 10.30 SIARAN KHAS TAMAT.                       | 4.28 SUSUNAN RANCANGAN             | Mike Ito masih ragu-ragu atas kematian saudaranya Kenji dari Jepun sebagai kemalangan jalan raya sejurus selepas meninggalkan lapangan terbang. Mike mengupah Laura dan Remington untuk menyiasatnya. |
|                                                | 4.30 KAP KAP UDANG                 | 7.36 AZAN ISYAK                                                                                                                                                                                       |
|                                                | 5.00 FRAGGLE ROCK                  | 7.41 REMINGTON STEELE — sambungan                                                                                                                                                                     |
|                                                | 5.30 SPIDERWOMAN                   | 8.15 WARTA BERITA                                                                                                                                                                                     |
|                                                | 6.00 BERITA AWAL                   | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                                                                                                                                                                |
|                                                | 6.05 DIFFERENT STROKES             | 8.50 CERAMAH MAULUD                                                                                                                                                                                   |
|                                                | 6.21 AZAN MAGHRIB                  | 9.00 RAKAMAN PEMBUKAAN RASMI MAJLIS MESYUARAT NEGERI                                                                                                                                                  |
|                                                | 6.31 DIFFERENT STROKES — sambungan | 9.45 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGERI                                                                                                                                                                  |
|                                                | 6.30 321 CONTACT                   | 10.30 TAYANGAN GAMBAR: "Being There"                                                                                                                                                                  |
|                                                |                                    | Seorang yang bernama Chance menjadi masyhur dan berpengaruh dengan kehidupannya yang simple sahaja. Pelakon-pelakon: Peter Sellers, Shirley McClaine, Melvyn Douglas, Jack Warden, dan lain-lain.     |
|                                                |                                    | 12.00 SIARAN TAMAT.                                                                                                                                                                                   |

## HARI KHAMIS 22 DISEMBER

| PETANG                                              | MALAM                                                                                                                                                                                                                                     |
|-----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.15 PEMBUKAAN                                      | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                                                                                                                                                                                                         |
| 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA                  | 7.15 WIZARDS AND WARRIORS                                                                                                                                                                                                                 |
| 4.28 SUSUNAN RANCANGAN                              | 7.36 AZAN ISYAK                                                                                                                                                                                                                           |
| 4.30 KAP KAP UDANG                                  | 7.41 WIZARDS AND WARRIORS — sambungan                                                                                                                                                                                                     |
| 5.00 SESAME STREET                                  | 8.15 WARTA BERITA                                                                                                                                                                                                                         |
| 6.00 BERITA AWAL                                    | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                                                                                                                                                                                                    |
| 6.05 KIMBA THE WHITE LION                           | 8.50 CERAMAH MAULUD                                                                                                                                                                                                                       |
| 6.21 AZAN MAGHRIB                                   | 9.00 HIDAYAT                                                                                                                                                                                                                              |
| 6.31 WORLD OUTDOORS: "Cross Country Ski Techniques" | 9.30 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGERI                                                                                                                                                                                                      |
|                                                     | 10.15 DUNIA MINGGU INI                                                                                                                                                                                                                    |
|                                                     | 10.45 TIMELESS LAND: "A Prisoner At The Bar"                                                                                                                                                                                              |
|                                                     | Ellen mengaku bersalah ke atas satu pembunuhan yang dia tidak melakukannya, semata-mata untuk menyelamatkan anaknya, terpaksa menghadapi percabaran.                                                                                      |
|                                                     | 11.35 CHICO AND THE MAN: "Chico's Padre"                                                                                                                                                                                                  |
|                                                     | 12.05 McCLAIN'S LAW: "Take Over"                                                                                                                                                                                                          |
|                                                     | Persamaan memainkan peranan dalam meneka sasaran sekumpulan perompak bank. Bekerja rapat dengan FBI, McClain ternampak persamaan ini dalam penggunaan kereta-kereta lama di antara rombongan yang berlaku di sekitar tempat kejadian itu. |
|                                                     | 12.55 SIARAN TAMAT.                                                                                                                                                                                                                       |

## 23 DISEMBER HARI JUMAAT

| TENGAH HARI                                                                                        | PETANG                                                                                                                        | MALAM                                                                                                                                                                                                          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 12.00 PEMBUKAAN                                                                                    | 1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORT                                                                                                  | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                                                                                                                                                                              |
| 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA                                                                | 2.15 FILEM RENCANA — WORLD ABOUT US: "The Incredible Hummingbirds"                                                            | 7.15 THE YOUNG LAWYERS: "The Bradbury War"                                                                                                                                                                     |
| 12.13 SUSUNAN RANCANGAN                                                                            | 3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN                                                                                                  | Aaron Silverman jatuh cinta dengan Celia Bradbury, pelanggannya dalam kes cerai suami Celia mengancam untuk mengaitkan Aaron sebagai orang yang terlibat. David Barrett menyuruh Aaron berhenti saja dari NLO. |
| 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN. | 3.30 IN SEARCH OF: "In Search of U.F.O. Captives"                                                                             | 7.36 AZAN ISYAK                                                                                                                                                                                                |
|                                                                                                    | Dengan Leonard Nimoy sebagai hos, kita bertemu dengan orang-orang yang mengaku pernah menjadi tawanan di kapal angkasa U.F.O. | 7.41 THE YOUNG LAWYERS — sambungan                                                                                                                                                                             |
|                                                                                                    | AZAN ASAR                                                                                                                     | 8.15 WARTA BERITA                                                                                                                                                                                              |
|                                                                                                    | 3.48 IN SEARCH OF — sambungan                                                                                                 | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                                                                                                                                                                         |
|                                                                                                    | 4.00 THE THUNDERBIRDS                                                                                                         | 8.50 CERAMAH MAULUD                                                                                                                                                                                            |
|                                                                                                    | 4.25 GERAK SIHAT                                                                                                              | 9.00 LIPUTAN NASIONAL                                                                                                                                                                                          |
|                                                                                                    | 4.55 THE ELECTRIC COMPANY                                                                                                     | 9.30 DRAMA: Sepanjang Jalan (SBC)                                                                                                                                                                              |
|                                                                                                    | 5.10 MANAGEMENT (Ulangan)                                                                                                     | 10.00 KNOTS LANDING: "The Morning After"                                                                                                                                                                       |
|                                                                                                    | 5.40 CAPTAIN AMERICA (Animation)                                                                                              | 10.50 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL                                                                                                                                                                         |
|                                                                                                    | 6.00 BERITA AWAL                                                                                                              | 11.35 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.                                                                                                                                                                       |
|                                                                                                    | 6.05 YOU ASKED FOR IT                                                                                                         | 12.25 SIARAN TAMAT.                                                                                                                                                                                            |
|                                                                                                    | 6.21 AZAN MAGHRIB                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                |
|                                                                                                    | 6.31 ON SAFARI                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                |

## HARI SABTU 24 DISEMBER

| PETANG                                      | MALAM                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.15 PEMBUKAAN                              | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA          | 7.15 MUSICAL SPECIAL: Julie Anthony Gold Coast                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 4.28 SUSUNAN RANCANGAN                      | 7.36 AZAN ISYAK                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| 4.30 KAP KAP UDANG                          | 7.41 MUSICAL SPECIAL — sambungan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 5.00 SESAME STREET                          | 8.15 WARTA BERITA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 6.00 BERITA AWAL                            | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 6.05 THUNDARR THE BARBARIAN: "City of Evil" | 8.50 CERAMAH MAULUD                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6.21 AZAN MAGHRIB                           | 9.00 LAPORAN MAJLIS MESYUARAT NEGERI                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 6.31 JUST KIDDING                           | 9.45 KUIZ KESELAMATAN JALAN RAYA 1983 PERINGKAT AKHIR                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|                                             | 10.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Penyamun Terbus"                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|                                             | 11.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Death In Canaan"                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|                                             | Drama seorang belia 18 tahun yang ditangkap kerana dituduh membunuh ibunya. Penduduk bandar dan seorang pemberita marah dengan cara pihak polis mengendalikan penyiasatan kes itu ke atas yang tertuduh yang mereka percaya tidak berdosa. Pelakon-pelakon: Stefanie Powers, Paul Clemens, James Sutorious, Conchata Ferrell, Brian Demnehv, dll. |
|                                             | 1.15 SIARAN TAMAT.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

## HARI AHAD 25 DISEMBER

| PETANG                                                                                                                                                                               | MALAM                                                                                                                             |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.00 PEMBUKAAN                                                                                                                                                                       | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                                                                                                 |
| 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA                                                                                                                                                   | 7.15 SIMON AND SIMON: "What's In A Gnome"                                                                                         |
| 2.13 SUSUNAN RANCANGAN                                                                                                                                                               | A.J. dan Rick diupah untuk mencari penganas yang mengancam dan mungkin bertindak untuk melalaikan pembukaan sebuah taman hiburan. |
| 2.15 FANGFACE: "Don't Get Mean With The Cobra Queen"                                                                                                                                 | 7.36 AZAN ISYAK                                                                                                                   |
| 2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE                                                                                                                                                           | 7.41 SIMON AND SIMON — sambungan                                                                                                  |
| 3.15 IN PERSON: Kathy Ibrahim                                                                                                                                                        | 8.15 WARTA BERITA                                                                                                                 |
| 3.45 AZAN ASAR                                                                                                                                                                       | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                                                                                            |
| 3.48 IN PERSON — sambungan                                                                                                                                                           | 8.50 CERAMAH MAULUD                                                                                                               |
| 4.00 SMURF                                                                                                                                                                           | 9.00 DARI DEWAN RAYA (Rakaman)                                                                                                    |
| 4.30 DOK. AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS                                                                                                                                          | 10.00 FORUM                                                                                                                       |
| 5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS: "Winter Roses"                                                                                                                                 | 10.50 TEACHER ONLY                                                                                                                |
| Adam ikut serta dalam perlumbaan kereta Gold Rush Race mencabar seorang pelumba profesional dan tidak menyedari bahawa Hannah yang hamil tiga bulan terpaksa dikejarkan ke hospital. | 11.20 MISSILES OF OCTOBER — Bhg. 2.                                                                                               |
|                                                                                                                                                                                      | 12.00 SIARAN TAMAT.                                                                                                               |

## HARI ISNIN 26 DISEMBER

| PETANG                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | MALAM                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 2.00 PEMBUKAAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS                       |
| 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | 7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "Life, Death And Vinnie Duncan" |
| 2.13 SUSUNAN RANCANGAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | 7.39 AZAN ISYAK                                         |
| 2.15 TAYANGAN GAMBAR KHAS: "Murder Is Easy"                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | 7.44 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan                      |
| 3.45 AZAN ASAR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 8.15 WARTA BERITA                                       |
| 3.48 TAYANGAN GAMBAR KHAS — sambungan                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 8.35 MENJELANG MERDEKA                                  |
| 4.00 DOUG HENNING'S WORLD OF MAGIC: Tetamunya—Billy Cosby, Barby Benton, Melba Moore.                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                         |
| 4.45 KAP KAP UDANG                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                         |
| 5.15 PANDAMONIUM: "Prehistoric Hysteries"                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                         |
| 5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS: "Secret Origins of the Superfriends"                                                                                                                                                                                                                                                                       |                                                         |
| 6.00 BERITA AWAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                         |
Kelayakan dan Pengalaman : Calon-calon mestilah mempunyai :

- Sijil Teknologi penuh/Higher T.E.C. Diploma atau yang sebanding dengannya dalam bidang perhubungan/elektronik termasuk pengalaman-pengalaman minima selama 6 tahun sama ada dalam bahagian Radio atau di bahagian Penyiaran Televisyen, dan sekurang-kurangnya 3 tahun memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman sepuluh tahun dalam bidang bahagian Kejuruteraan Penyiaran, ataupun mempunyai pengalaman lima tahun atau lebih memegang jawatan Juruteknik Pemeliharaan atau sebanding dengannya. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang pernah menjalani latihan kemahiran dalam bidang penyiaran.

Tugas-tugas :

Kepada Pemeliharaan Penyiaran dan dalam beberapa hal seperti tugas-tugas yang diijazahkan oleh kakitangan atau secara bergilir-gilir di bahagian yang ditetapkan. Dalam Studio TV, Juruteknik Pemeliharaan Kanan juga terlibat dalam tugas-tugas Pengurusan Teknik. Dalam keba-

nyakan hal, Juruteknik Pemeliharaan Kanan juga diharapkan untuk menguruskan secara peribadi masalah-masalah pemeliharaan yang lengkap atau memberi bantuan yang lebih teratur kepada kakitangan yang sesuai untuk mengambil alih tugas-tugasnya.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tam-bang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 28 Januari, 1984.

(E/25/75)

(Bil iklan : 223/1983).

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

### 1. PEMANDU MOTOSANGKUT TINGKAT I :

Tanggagaji : F. 4-5 EB. 6 \$490-\$620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan mempunyai sekurang-sekurangnya 4 tahun perkhidmatan yang diakui sebagai Pemandu Motosangkut Tingkat II.

- Mestilah mempunyai pengetahuan yang luas terhadap perairan di Pelabuhan Muara dan Sungai Temburong.

- Mestilah lulus satu Peperiksaan Ujian Kecekapan yang akan diadakan bagi Pemandu Motosangkut Tingkat I.

### 2. PEMANDU MOTOSANGKUT TINGKAT II :

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 \$430-\$560 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.

- Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan te-

gap, mempunyai penglihatan yang baik lulus pemeriksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh bernang tidak kurang dari 220 ela cara bebas.

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motosangkut sekurang-sekurangnya selama 2 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Selaku Pemandu Motosangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang dan barang-barang; pengim-an surat atau terlibat di dalam perkhidmatan memandu atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir.

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 3 Februari, 1984.

(E/583/1983))

(Bil iklan : (249/1983).

## Sebagai Pegawai Laut

PERMOHONAN-pemohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai PEGAWAI LAUT HOME TRADE I di Jabatan Laut, Brunei.

Tanggagaji : C. 3 EB. 4 — \$1735-\$2280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :

Sijil kecekapan sebagai Master of a Home Trade Ship yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahaan United Kingdom atau yang sebanding. Perkhidmatan di Jabatan Laut atau Penguasa Pelabuhan dan/atau pengalaman sebagai Mata atau Master Kapal Pengorek (trailing suction hopper dredger) adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Tugas-tugas utama ialah selaku Master Kapal Pengorek (Trailing Suction Hopper Dredger) yang berpangkalan di Pelabuhan Muara, Brunei atau selaku Master bagi kapal Tunda yang bertambat. Lain-lain tugas am sebagai Pegawai Laut mengikut keperluan perkhidmatan dari masa ke semasa.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tam-bang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 19 Januari, 1984.

Bilangan iklan : 240/1983.

(E/725/81)

## Sebagai Penolong Jurukira

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai PENOLONG JURUKIRA di Jabatan Pelajaran, Brunei.

Tanggagaji : B. 1 — \$1240-\$2280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mempunyai Sijil Peperiksaan Intermediate daripada sebuah Institut Accounting yang diiktiraf adalah merupakan suatu kelebihan, tetapi semua calon hendaklah dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk mencapai taraf kelayakan ikhtisas dan bercita-cita untuk memperolehi-nya.

- Mestilah mempunyai pengetahuan asas yang mendalam mengenai tatabira-kira-mengira Perkhidmatan Kerajaan.

Syarat-syarat Lantikan : Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan

pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tam-bang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 31 Januari, 1984.

(E/2037/83)

(Bil iklan : 225/1983)

## PENGELUARAN PERMIT-PERMIT TEKSI DAERAH BELAIT

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor akan mengeluarkan lima (5) permit teksi Daerah Belait.

- Pemohon-pemohon perseorangan di Daerah Belait sahaja yang berhak memohon bagi pertambahan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri dari rakyat jati Negara Brunei Darussalam dan mereka hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei, syarikat-syarikat atau firma sama ada bergaji bulanan atau bergaji hari. Selain daripada kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon-pemohon seperti yang dicatatkan dalam permohonan bagi permit di atas, berikut adalah penerangan-penerangan tambahan kepada pemohon-pemohon :

- Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk ditemuduga;
- Pemohon-pemohon yang berjaya adalah dikehendaki memandu sendiri teksi mereka, oleh itu pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya kelas tiga (3) dan diakui sihat oleh Pegawai Kesihatan Kerajaan; dan
- Pemohon-pemohon hanya dibolehkan memohon satu permit sahaja bagi tiap-tiap seorang dan mereka hendaklah menyatakan jenis kereta yang akan digunakan itu yang mana hendaklah mempunyai tenaga tidak kurang dari 1,600 c.c.

- Mereka yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan-pemohonan mereka belum dapat dipertimbangkan kerana semasa mereka memohon itu belum ada kekosongan permit yang dimaksudkan bolehlah memohon semula jika mereka mahu berbuat demikian bagi pertimbangan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor.
- Semua permohonan hendaklah menggunakan borang borang permohonan yang boleh didapati di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat Jalan Gadong dan di Pejabat Pengangkutan Darat, Kuala Belait. Permohonan-pemohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 7 Januari, 1984. Permohonan-pemohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

## KENYATAAN TAWARAN

Kenyataan Tawaran No. 8 tahun 1983

Bekalan Barang-Barang Ganti dan Buruh bagi Pemeriksaan Teliti dan Kerja-Kerja Membaiki Alat-Alat Jentera Penggerak bagi Kapal Jabatan Laut P.L. "Seri Bandar"

TAWARAN-tawaran akan diterima dari syarikat-syarikat yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei sehingga 12.00 tengah hari Isnin 2 Januari 1984 bagi :

"Pembekalan Barang-Barang Ganti dan Buruh bagi Pemeriksaan Teliti dan Kerja-Kerja Membaiki Alat-Alat Utama Jentera Penggerak Detroit Diesel/Allison Ma-

rine bagi kapal Jabatan Laut P.L. "Seri Bandar".

- Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa tertutup tanpa pengenalan nama Pemborong-pemborong di depan sampul-sampul surat. Sampul-sampul surat itu mestilah ditanda "Tawaran untuk Kerja-karya Membaiki Kapal Jabatan Laut P.L. "Seri Bandar".

- Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran seperti alamat yang diterangkan di atas.

- Keterangan-keterangan lengkap boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Bangunan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, Brunei.

- Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang sangat rendah.

## MENJALANKAN PERKHIDMATAN KANTIN

PEMBORONG-pemborong adalah dijemput untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, di alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei, tidak lewat pada hari Isnin, 9 Januari, 1984, jam 12.00 tengah hari untuk menjalankan perkhidmatan kantin sekolah agama yang berikut dalam tempoh dua tahun berturut-turut :

- Sekolah Agama Sengkuring.

- Wang pendahuluan mengenai perkara ini diminta akan dijelaskan sebanyak \$100.00 (seratus ringgit sahaja) ke Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Agama, Bandar Seri Begawan, tingkat pertama, bilik no. 202, pada

bila-bila masa waktu pejabat dibuka hingga hari Sabtu, 7 Januari, 1984, jam 3.00 petang.

- Pemborong-pemborong yang berhasrat pada mendapatkan penerangan lebih lanjut mengenai perkara ini serta syarat-syarat tawaran mengenainya, maka Guru Besar Sekolah yang berkenaan bolehlah dihubungi di Bangunan Baru Sekolah Agama Sengkuring, Jalan Mulaut, Brunei.

- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh waktu yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran-tawaran yang lebih mahal atau yang difikirkan tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari hari Isnin 9 Januari 1984 untuk membekal kayu-kayu bagi Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei seperti jenis dan ukuran-ukuran dalam borang tawaran bagi tempoh satu (1) tahun, 1984.

- Butir-butir dan borang tawaran atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian

Pentadbiran (Tawaran) Tingkat Pertama, di Jabatan Hal Ehwal Agama, Bandar Seri Begawan Jalan Elizabeth ke-II, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

- Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dijelaskan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Tingkat I, Bilik No. 202, di bangunan Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat jam 3.00 petang.

- Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang yang tidak munasabah.



# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENOLONG PENYUNTING

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PENYUNTING di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 \$720-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman: Lulus sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran peringkat 'O' termasuk Bahasa Melayu dan sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Inggeris. Berkeupayaan untuk bertugas dalam suasana tegang, mempunyai pendekatan dan pandangan yang berkeyakinan dan berkebolehan. Kebolehan dalam taip-menai dan trengkas serta pengalaman dalam kewarutanan dan penyuntingan adalah diutamakan.

Tugas-tugas: Kepada Penyunting dan Penyunting Kanan atau Penyunting yang bertugas dalam semua kerja-kerja yang melibatkan penyediaan, penerbitan dan penyampaian berita. Ada kalanya dikehendaki untuk menjalankan tugas-tugas penyunting dalam tanggungjawab-tanggungjawabnya di Studio dan dalam membuat penyediaan dan membuat skrip untuk rancangan-rancangan Hal-ehwal Semasa.

Juga dikehendaki untuk menolong membuat laporan berita dan menyunting laporan berita. Bersedia untuk bertugas semasa cuti awam dan secara bergilir.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

## Sebagai Tradesman (Tukang Letrik)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TRADESMAN (TUKANG LETRIK) di Askar Melayu Diraja Brunei.

Tanggagaji: E.1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: Calon-calon hendaklah tamat mengikuti kursus juru-letrik yang diakui di sebuah Sekolah Pertukangan. Mempunyai pengalaman menyelenggara dan membaiki alat-alat letrik yang digunakan di rumah dan alat-alat letrik yang lain. Seseorang yang sedang ber-

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 19 Januari, 1984.

(E/941/74) Bil. Iklan: 241/1983).

khidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 14 Januari, 1984.

(E/1704/77) (Bil. Iklan: 226/1983).

## Sebagai Pembantu Kesihatan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU KESIHATAN di Askar Melayu Diraja Brunei.

Tanggagaji: D. 4 EB. 5 — \$980-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman: a) Berumur di antara 25 hingga 45 tahun. b) Mempunyai Diploma Merinyu Kesihatan Rendah atau yang sebanding dengannya. c) Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja selepas memperoleh Diploma Merinyu Kesihatan Rendah. Am: Bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah dan

di luar masa Pejabat jika dikehendaki.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua

salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 16 Januari, 1984.

(Bil. Iklan: 238/1983) (E/1080/82).

## Sebagai Ketua Jururawat Kesihatan Penyakit Otak

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecualan untuk dilantik sebagai KETUA JURURAWAT KESIHATAN PENYAKIT OTAK di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Tanggagaji: M. 11 — \$1670-\$2820 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Qualifications: a) State Registered Nurse of Federation of Malaya, Singapore or United Kingdom. b) Registered Mental Nurse of Federation of Malaya, Singapore or United Kingdom. c) Boleh berbahasa Melayu. Experience: Candidates should have experience in Mental Health Nursing in Government Hospitals for at least 5 years.

Syarat-Syarat Lantikan: Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei. Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 30 Januari, 1984.

(Bil. Iklan 246/1983) (E/1312/78).

## Sebagai Pegawai Imigresen

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI IMIGRESEN di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Mempunyai Kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Tingkatan IV Inggeris. b) Berumur di antara 18 dan 25 tahun.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua

Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 9 Januari, 1984.

(E/234/72) (Bil. Iklan: 230/1983).

## Sebagai Pemandu Kereta Tingkat I

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT I di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Brunei.

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 \$420-\$620 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 tahun hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu. b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen me-

mandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

e) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan Muara. Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua

Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 19 Januari, 1984.

(E/953/74) (Bil. Iklan: 244/1983).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menjalankan perkhidmatan kantin bagi sekolah-sekolah agama yang berikut:—

- i. Sekolah Agama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba Darat, Brunei.
- ii. Sekolah Agama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampung Lurong Dalam, Brunei.
- iii. Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di dalam tempoh Pejabat Kewangan Negara, Brunei di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei tidak lewat pada hari Isnin 16 Januari, 1984 jam 12.00 tengah hari tanpa membubuh nama pengirim

dan lain-lain di luar sampul surat kecuali perkara berikut:—

- i. Tawaran kantin untuk Sekolah Agama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Saba Darat, Brunei.
- ii. Tawaran kantin untuk Sekolah Agama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampung Lurong Dalam, Brunei.
- iii. Tawaran kantin untuk Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan di Bangunan Jabatan Hal Ehwal

Ugama, Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa waktu bekerja biasa hingga hari Sabtu 14 Januari, 1984 jam 3.00 petang sebanyak \$100.00 (satu ratus ringgit sahaja) untuk tiap-tiap sebuah kantin.

5. Kiranya penerangan-penerangan lebih lanjut ingin diperolehi mengenai perkara ini seperti syarat-syarat tawaran dan lain-lain, maka Guru Besar ketiga-tiga buah sekolah agama yang berkenaan atau Nazir Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Brunei Muara di pejabatnya di Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan bolehlah dihubungi pada bila-bila masa waktu bekerja biasa.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang tinggi atau tawaran-tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## CADANGAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA LUAR (PERINGKAT KETIGA) UNTUK RUMAH KEBAJIKAN DI KAMPUNG PULAI

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 23 Januari 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

CADANGAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA LUAR (PERINGKAT KETIGA) UNTUK RUMAH KEBAJIKAN DI KAMPUNG PULAI, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK: CADANGAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN KERJA-KERJA LUAR (PERINGKAT KETIGA) UNTUK RUMAH KEBAJIKAN DI KAMPUNG PULAI, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

PUBLIC WORKS DEPARTMENT  
2nd Floor — Quantity Surveyor Section  
Old Airport  
Berakas

mulai dari hari Rabu 21 Disember 1983 hingga jam 4.00 petang hari Rabu 4 Januari 1984.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak \$1,000.00 (Seribu ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut:—

- a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki.
- b. Surat aku dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.



# Belia diseru: AMALKAN TANGGUNGJAWAB YANG SELARAS

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pemimpin-pemimpin Persatuan Belia diseru berganding bahu di dalam membuat daya usaha menurut kemampuan masing-masing dengan memastikan disiplin dijadikan sebagai perkara utama dalam pergerakan belia masa kini.

Untuk memastikan matlamat tersebut pihak kerajaan menyediakan beberapa peruntukan bagi peluang-peluang pekerjaan serta pelajaran untuk membolehkan para belia membentuk kehidupan serta tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.

Demikian antara lain yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz Pemangku Menteri Besar, semasa merasmikan kursus Asas Kepimpinan Belia anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan bertempat di Stadium Negara Hassanah Bolkliah pada hari Ahad lepas.

Menurut Y.A.B., penekanan yang dipertanggungjawabkan haruslah selaras dengan peranan belia, yang bukan saja hanya dibahaskan dari segi teori tetapi juga semestinya dijadikan amalan dari masa kesemasa.

Kita tidak semestinya terikat pada penafsiran yang dibuat di negara lain, kerana penafsiran tersebut pada keseluruhannya belum tentu selaras dengan cara penghidupan kita di negara ini yang berteraskan ugama rasmi untuk melengkapkan asas-asas kehidupan yang sempurna baik di bidang kebendaan mahupun di bidang kerohanian, jelas Y.A.B.

Disiplin yang sedemikian adalah sebaik-baik cara bagi mengekalkan keghairahan berbakti kepada negara, dan sebagai panduan belia-belie agar tidak kehilangan susila serta hanyut oleh godaan yang merugikan kita sendiri, kata Y.A.B.

Sehubungan dengan ini Y.A.B. menekankan, belia-belie di negara ini supaya tidak akan meniru beberapa kegiatan-kegiatan belia luar negeri yang bertentangan dengan amalan kehidupan kita, pada memikul tugas-tugas dengan penuh kesungguhan serta sikap tanggungjawab yang diamanahkan.

"Pemimpin Persatuan Belia perlu berganding bahu pada memastikan kemerdekaan sesebuah negara tidaklah bermakna mempergunakan kebebasan setakat hendak mempergunakan, akan tetapi ianya digunakan untuk memastikan setiap aspek tersebut tidak dipersalahkan."

Menyentuh kursus tersebut Pemangku Menteri Besar berharap agar pemimpin belia akan terus mengambil perhatian dan matlamat kerajaan, agar para belia benar-benar bertanggungjawab selain dari bertindak sebagai agen perkembangan.

Y.A.B. mengharapkan, agar kaum belia sentiasa berhati-hati dan menjadikan contoh teladan negara-negara luar pada mencapai kejayaan bernegara dan bukan hanya setakat menuntut perubahan, tetapi juga memastikan perkembangan tersebut tidak berlawanan dengan unsur keBruneian dan ajaran Allah.

Terdahulu dari itu Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan Awang Haji Abd. Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku pengerusi

Kursus tersebut telah menyampaikan ucapan alu-aluannya, dengan menyatakan tujuan kursus tersebut serta cara-cara pihak penganjur mengendalikannya.

Lebih dari 47 orang peserta mewakili persatuan-persatuan di seluruh negara menyertai kursus tersebut selama tiga hari bagi peringkat pertama akhir tahun ini.

## Kemerdekaan wajib disyukuri

KUALA BELAIT. — Kemerdekaan penuh lagi berdaulat yang akan dicapai pada 1 Januari 1984 adalah merupakan satu nikmat Allah yang tidak ternilai harganya kerana itu umat Islam di negara ini wajiblah bersyukur menerimanya.



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, Timbalan Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei menyatakan demikian dalam ucapannya selaku Tetamu Kehormat di Perhimpunan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. bagi Daerah Belait di Padang Kecil Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di sini pada pagi hari Sabtu lepas.

Kemerdekaan sebagai nikmat kurnia Allah, jelas Yang Berhormat, hendaklah diterima dengan hati reda dan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala.

"Kita reda menerima kemerdekaan, kita reda menempuh segala cabaran dan kesukaran untuk mengisi erti kemerdekaan dan kita reda pula untuk membela dan mempertahankannya," tegas Yang Berhormat lagi.

Seterusnya Timbalan Pegawai Pemerintah itu menambah, tanda keredaan itu ialah dengan mengisinya

dengan amalan kebajikan dan perbuatan-perbuatan yang direndai Allah supaya Allah Taala akan mengekalkan kemerdekaan itu sehingga ke generasi-generasi yang akan datang.

Menurut Yang Berhormat lagi bersyukur nikmat Allah sama ada nikmat kemerdekaan atau kenikmatan kemewahan dan ketenteraman mengikut ajaran-ajaran Islam adalah punca dan asas kemakmuran dan kebahagiaan yang berpanjangan serta menjadi sendi bagi ketahanan bangsa dan kesejahteraan negara yang berkekalan.

"Dalam pada itu, kemakmuran, ketenteraman, ketahanan dan kesejahteraan serta kejayaan dan kemajuan negara kita ini, pada sebahagian besarnya adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan kita dalam melaksanakan tugas dan kewajipan kita masing-masing dengan rasa penuh tanggungjawab, amanah, jujur dan ikhlas semata-mata untuk mendapat keredaan Allah," tegas Yang Berhormat lagi.

Terdahulu dari ini, Yang Berhormat menyatakan bahawa tema sambutan kali ini iaitu 'MENSYUKURI NIKMAT ASAS KEMAKMURAN DAN KETAHANAN' memanglah sesuai dan tepat dengan keadaan negara ini yang akan mencapai kemerdekaan.

Menyentuh mengenai sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. ini menurut tetamu kehormat itu, ianya adalah merupakan satu bentuk pernyataan tentang kesatuan jiwa, kesatuan akidah serta perpaduan umat Islam.

Katanya, kesan-kesan yang diharapkan dari peringatan Maulud Nabi ini di antara lain ialah untuk memetik pengajaran-pengajaran yang Baginda tinggalkan, mencontohi nilai-nilai utama dalam kehidupannya, meningkatkan semangat dan syiar Islam serta berusaha meningkatkan kesedaran beragama dan menghayati ajaran-ajaran yang dibawa oleh Baginda itu dalam kehidupan kita sehari-hari.



Y.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

### Dari muka I

di Daerah Brunei-Muara di sini baru-baru ini.

Tambah Yang Berhormat, untuk mendapatkan kemahiran dan pemahaman terhadap pembacaan supaya ilmu pengetahuan yang diperlukan itu tercapai, selok-belok bahasa perantaraan yang digunakan juga perlu diketahui terlebih dahulu, misalnya bahasa Arab ataupun Bahasa Inggeris.

Sebab itulah jelas beliau, tabiat suka membaca digalakkan supaya kemampuan dan kebolehan otak anak bangsa kita dapat mengunakannya menurut had kebolehan yang maksima, dan lebih-lebih lagi kebolehan seumpama itu bagi Negara Brunei yang akan merdeka ini bersedia untuk melayakkan diri kita sebagai seorang rakyat dan penduduk yang bertanggungjawab untuk mengisi kemerdekaan.

Majlis pada hari itu telah dihadiri oleh kira-kira seratus orang termasuk beberapa orang pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan muda-mudi dari Perpustakaan Muda-Mudi di keempat-empat daerah.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Awg. Haji Abd. Saman bin Kahar juga telah menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Selain dari itu majlis itu juga diserikan dengan berbagai-bagai persembahan pentas seperti nyanyian dan drama bertujuan untuk menanamkan semangat ataupun keinginan membaca di kalangan orang ramai khasnya muda-mudi.

### Dari muka I

Di majlis itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dijunjung buat pertama kalinya untuk mengempalai perarakan maulud Nabi s.a.w. bagi tahun 1404 Hijrah bersamaan 1983 Masihi yang disertai bersama oleh kira-kira 23 ribu orang umat Islam. — ZHS.

## Filem percuma

PADA minggu ini Rancangan Tayangan Filem Percuma Muzium Brunei akan menayangkan sambungan siri BELLAMY ON BOTANY bertajuk — 'Decay and

## Tiong Hua diseru amalkan Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hua Awang Lim Eng Meng menyeru masyarakat Tiong Hua di negara ini supaya mengamalkan penggunaan Bahasa Melayu serta menuruti dalam pergaulan sehari-hari.

Beliau berkata, masyarakat Tiong Hua tidak seharusnya bergantung kepada usaha-usaha dan arahan-arahan Kerajaan tentang kewajipan mereka dalam memperjuangkan apa jua dasar Kerajaan untuk faedah bangsa dan negara ini.

Dalam pada itu, katanya lagi, masyarakat Tiong Hua dalam menjalankan usaha-usaha di berbagai bidang yang diperlukan oleh Kerajaan hendaklah dengan penuh dedikasi dan perasaan kebangsaan terhadap negara ini.

Beliau berucap demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Kempen Minggu Bahasa yang bertemakan, "Perhubungan Melalui Bahasa Rasmi Negara Meyatukan Rakyat Dari Berbilang Bangsa", anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hua bertempat di Dewan Darussalam. Sekolah Menengah Chung Hwa di sini pada 17 Disember lepas.

"Sepagaimana kita sama-sama maklum bahawa Bahasa Rasmi Negara ialah Bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan sejak tahun 1959 dan sejak itu hingga sekarang, kita yang mengakui diri kita sebagai rakyat dan penduduk tetap negara ini sudah semestinya dapat menguasai bahasa tersebut," tegas Awang Lim Eng Meng.

Awang Lim Eng Meng selanjutnya menyatakan bahawa dengan adanya masyarakat Tiong Hua mengikut Bahasa Rasmi Negara adalah menunjukkan ketaatan dan kesetiaan mereka terhadap Kerajaan dan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Dalami ajaran Nabi

Dari muka 2

Seterusnya Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri berkata, oleh kerana Quran dan Hadis itu dalam bahasa Arab, jika hendak mengetahui isi kandungannya bahasa Arab itu perlu dipelajari terlebih dahulu.

"Kalau bangsa kita masa ini keseluruhannya berlumba-lumba mempelajari bahasa Inggeris kerana telah menyedari bahawa ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya menjadi asas untuk mendapatkan kesenangan hidup di dunia ini kenapa pula kita tidak menyedari bersama bahawa bahasa Arab yang menjadi punca pengajaran Islam itu

mustahak dipelajari bersama untuk membolehkan kita mengetahui lebih dalam isi kandungan Quran dan Hadis yang menjadi panduan hidup kita di dunia dan akhirat," ujar Y.B. Pehin.

Penghidupan di dunia ini, tambah beliau, memang sangat diperlukan kerana kita masih hidup di dalam dunia yang mempunyai syarat-syarat hidup yang tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh Allah, dan ini tidak dapat dielakkan selagi umat Islam berada di dalamnya, kerana hendaklah kehidupan itu memerlukan badan yang sihat supaya dapat menjalankan amal ibadat yang diperintahkan oleh Allah dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.

*Mencapai kemerdekaan penuh dengan selamat — kita melaungkan tiga kali takbir 'Allahhu Akbar'*